



## KENYATAAN MEDIA



### “AIM Chinese Music Awards 2020”

**Abin Fang, Gin Lee memenangi anugerah Artis Lelaki & Artis Wanita Terbaik**

**Namewee merangkul anugerah paling banyak di malam anugerah**

**New Southern Records Sdn Bhd dinobatkan sebagai penerima Anugerah Pencapaian Cemerlang**

4 Januari 2020 – AIM Chinese Music Award 2020 (Anugerah Industri Muzik – Bahasa Cina) telah berlangsung dengan jayanya di Menara PGRM Star Convention Centre. Majlis Tahunan ini dianjurkan oleh Persatuan Industri Rakaman Malaysia (RIM).

Lebih daripada 50 Artis telah menghadiri malam anugerah tersebut. Sejumlah 24 anugerah telah dinobatkan kepada para pemenang. Namewee, walaupun tidak dapat menghadiri pada malam tersebut, Beliau telah memenangi 4 anugerah iaitu anugerah Album Terbaik, Lirik Terbaik, Reka Album Terbaik dan Anugerah Single Paling Banyak di Strim. Manakala, anugerah Artis Lelaki Terbaik jatuh kepada Abin Fang yang juga merupakan pemenang bagi anugerah Lagu Terbaik melalui single beliau, “The Fool. Selain itu, Gin Lee, setelah hampir 10 tahun bergiat aktif di dalam seni muzik akhirnya dapat mengatasi Fish Leong dan memenangi anugerah Artis Wanita Terbaik buat pertama kali.

Bagi kategori Artis Baru Terbaik, Shio, Evangeline Wang, and Daniel Chezi telah dinobatkan dengan anugerah Emas, Perak dan Gangsa. Anugerah Pencapaian Cemerlang telah diberikan kepada New Southern Records Sdn Bhd, sebuah syarikat rakaman yang telah memupuk pembangunan seni muzik Cina klasik di dalam Malaysia selama 45 tahun. AIM juga telah memperkenalkan anugerah baru iaitu – “Recommended Award” di anugerahkan kepada Priscilla Abby bagi pencapaian cemerlang beliau di dalam genre muzik EDM Cina.

AIM Chinese Music Awards 2020 telah dianjurkan oleh Persatuan Industri Rakaman Malaysia (RIM), dibawakan khas oleh Swan City, dipromosikan oleh Eternal Entertainment: MY, MELODY FM, GOXUAN and Ciao as sebagai media rasmi, Tik Tok sebagai rakan pemasaran, di sokong oleh MM2 dan Astro; Sheraton Petaling Jaya sebagai Hotel Rasmi, Yoodo sebagai telco rasmi, Star Convention Centre sebagai penaja rasmi lokasi, Loudspeaker sebagai syarikat karaoke rasmi, VIP (salun rasmi), Pick A Brush (Dandan), Audio Synergy Projects & Concepts Sdn Bhd (Sound & Light), dan WhoaMen sebagai Fotografi & Videografi rasmi.

## **TENTANG PERSATUAN INDUSTRI RAKAMAN MALAYSIA (RIM)**

RIM ialah sebuah persatuan perdagangan industri yang ditubuhkan untuk mewakili syarikat-syarikat rakaman tempatan di Malaysia. Ianya kini mewakili hampir 300 syarikat dan peniaga rakaman tempatan yang terlibat di dalam pengeluaran, pengilangan dan pengedaran rakaman bunyi, video muzik dan karaoke tempatan dan antarabangsa.

### **Pertanyaan Media:**

Faridz Fadzil

Penolong Pengurus

**Persatuan Industri Rakaman Malaysia (RIM)**

No. L-8-2, Tingkat 8, Blok L, No. 2, Jalan Solaris,  
Solaris Mont' Kiara, 50480 Kuala Lumpur.

Tel : 03 6207 2859

Email : faridz@rim.org.my

